

MODUL 5 – LEJAR

1. Pasangan manakah merupakan akaun nyata ?

	Akaun A	Akaun B
A	Akaun Modal	Akaun Komisen Diterima
B	Akaun Kadar bayaran	Akaun Lengkapan
C	Akaun Perabot	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Alatan Pejabat	Akaun Inventori

BATU PAHAT 2020

2. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Fiza

Fiza menjelaskan hutang sebanyak RM1 600 kepada Pembekal Hazim dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Hazim
B	Bank	Pembekal Hazim Diskaun diterima
C	Pembekal Hazim Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Hazim	Bank Diskaun diterima

BATU PAHAT 2020

3. Maklumat berikut adalah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Kedai Buku Delaili.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Jun 30	Bank	6 200	Jun 1	Baki b/b	2 000
	Kontra	320			

Maklumat tambahan:

- i) Baki Akaun Belum Bayar pada 30 Jun 2020 ialah RM2 200
ii) Faedah dikenakan oleh pembekal RM600

Berapakah belian kredit ?

- A RM 1 720
B RM 2 920
C RM 6 120
D RM 7 320


BATU PAHAT 2020

4. Apakah Lejar Subsidiari?

- A Buku yang merekodkan urus niaga secara kredit sahaja
B Buku yang merekodkan hasil dan belanja sepanjang tahun
C Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun untuk merekod pelbagai urus niaga
D Buku yang merekodkan urus niaga yang berkaitan dengan akaun belum terima dan akaun belum bayar

PULAU PINANG 2020

5. Rajah di bawah menunjukkan aset-aset bagi Perniagaan Kerepek Maju.



Lejar apakah yang sesuai untuk merekodkan aset-aset tersebut?

- A Lejar Am
- B Lejar Khas
- C Lejar Belian
- D Lejar Jualan

PULAU PINANG 2020

6. Maklumat di bawah ini diambil daripada buku perakaunan Kedai Roti Din pada 31 Julai 2020:

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Julai 2020	6 370
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Julai 2020	4 350
Cek diterima daripada Akaun Belum Terima	5 300
Diskaun diberi	120
Jualan tunai	2 300
Hutang lapuk terpulih	300

Berapakah jumlah jualan Kedai Roti Din ?

- A RM3 400
- B RM5 400
- C RM5 700
- D RM6 000

PULAU PINANG 2020

7. Petikan Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diperolehi daripada buku perniagaan Thaif Enterprise pada bulan September 2020.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Sept 30	X		Sept 1	Baki b/b	1 820
			30	Y	

Padanan manakah yang betul ?

	X	Y
A	Pulangan Keluar	Jualan
B	Pulangan Masuk	Jualan
C	Pulangan Keluar	Belian
D	Pulangan Masuk	Belian

PERLIS 2020

8. Berikut ialah maklumat dari Lejar Perniagaan Ramadhan

2019		RM
Jan. 1	Baki debit Lejar Jualan	8 690
Dis. 31	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	52 430
	Diskaun diberi	1 260
	Pulangan masuk	1 680
	Hutang lapuk	550
	Baki debit Lejar Jualan	9 720

Berapakah jumlah jualan Kredit.

- A RM38 540
- B RM47 230
- C RM55 920
- D RM56 950

TERENGGANU 2020

9. Cantik Alat tulis Enterprise menjalankan perniagaan alat tulis.

Belian kabinet RM3 100 secara kredit daripada Perabot Kemas Bhd

Tentukan catatan bergu bagi urus niaga tersebut.

	Debit	Kredit
A	Perabot	Bank
B	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot Kemas Bhd
C	Perabot	Perabot Kemas Bhd
D	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot

KELANTAN 2020

10. Kenalpasti manakah kegunaan lejar yang tepat

- A Mengklasifikasi semua akaun
- B Merekod urus niaga dan pelarasan
- C Menyenarai akaun bagi komponen kos jualan
- D Mengenalpasti baki debit dan kredit setiap akaun

KELANTAN 2020

11. Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi perniagaan Telus Enterprise

Dt			Akaun Kawalan Belum Bayar			Kt		
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2020			2020					
Jun 30	Bank	4 510	Jun 1	Baki b/b	5 700			
	X	1 990	30	Belian	3 900			
	Baki h/b	3 300		Faedah	200			
		9 800			9 800			

Manakah butir yang **tidak** boleh dicatat sebagai X.

- A Kontra
- B Angkutan
- C Pulangan Belian
- D Diskaun Diterima

KELANTAN 2020

12. Akaun yang manakah merupakan akaun nominal?

- I Akaun Faedah Diterima
- II Akaun Mesin
- III Akaun Pinjaman
- IV Akaun Angkutan Keluar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JOHOR 2020

13. Pemilik Marvelous Enterprise membayar insurans nyawa dengan menggunakan wang perniagaan.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Insurans	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Insurans
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Insurans	Akaun Modal

JOHOR 2020

14. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Syarikat Wacana.

	RM
Baki awal Akaun Kawalan Belum Bayar	6 345
Belian kredit	55 470
Belian tunai	2 040
Baki akhir Akaun Kawalan Belum Bayar	5 625

Berapakah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar?

- A RM54 150
- B RM54 750
- C RM56 190
- D RM58 230

JOHOR 2020

15. Akaun berikut diperolehi daripada Kedai Kain Mazilah, akan dikelaskan kepada dua jenis lejar.

Akaun Perabot		
	RM	
Kedai Perabot Jimmy	2 250	
Kedai Perabot Jimmy		
	Perabot	RM 2 250

Apakah jenis lejar tersebut?

	Akaun Perabot	Kedai Perabot Jimmy
A	Lejar Am	Lejar Belian
B	Lejar Am	Lejar Am
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

KULAI 2020

16. Catatan bergu manakah yang betul untuk merekodkan pulangan belian barang niaga?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Bayar	Akaun Belian
B	Akaun Belum Bayar	Akaun Pulangan Belian
C	Akaun Belian	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Pulangan Belian	Akaun Belian

KULAI 2020

17. Maklumat di bawah ini diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Ah Wee.

2019	RM
Jan 1 Baki debit Lejar Jualan	3 550
Dis 31 Penerimaan oleh Akaun Belum Terima	45 750
Diskaun diberi	790
Peruntukan Hutang Ragu	225
Pulangan masuk	820
Hutang Lapuk	216
Jualan Tunai	24 100
Baki Lejar Jualan	8 310

Berapakah jualan kredit Perniagaan Ah Wee?

- A RM52 561
 B RM76 436
 C RM52 336
 D RM52 363

KULAI 2020

MODUL 6 – IMBANGAN DUGA

1. Catatan Imbangan Duga manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Jualan	Ambilan
B	Belian	Insurans
C	Pinjaman	Akaun Belum Terima
D	Pulangan Jualan	Faedah Atas Simpanan

BATU PAHAT 2020

2. Saizal Mursidi Enterprise mempunyai 4 jenis barang niaga yang belum dijual pada 30 April 2020. Maklumat nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga adalah seperti berikut:

Barang	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
P	200	177
Q	700	2 000
R	720	120
S	162	241

Berapakan nilai inventori akhir ?

- A** RM 1 159
B RM 1 782
C RM 2 538
D RM 3 161

BATU PAHAT 2020

3. Petikan Imbangan Duga di bawah ini berkaitan dengan Perniagaan Zaiton.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2020		
	Debit RM	Kredit RM
Sewa	3 600	
Diskaun		175
Pulangan	620	
Faedah		230

Maklumat yang manakah bertepatan dengan Imbangan Duga di atas ?

- A** Sewa Dibayar RM3 600 dan Diskaun Diterima RM175
B Sewa Diterima RM3 600 dan Diskaun Diberi RM175
C Pulangan Belian RM620 dan Faedah Diterima RM230
D Pulangan Jualan RM620 dan Faedah Diberi RM230

PULAU PINANG 2020

4. Maklumat berikut berkaitan dengan inventori Perniagaan Elektrik KK, sebuah perniagaan yang menjual kipas meja.

2020	
Januari 1	Baki inventori kipas meja ialah sebanyak 60 unit berkos RM4 200.
Januari 10	Jual 40 unit kipas meja pada harga RM90 seunit secara tunai.
Januari 15	Beli 20 unit kipas meja pada harga RM70 seunit secara kredit daripada Kilang E&E.
Januari 21	Pemilik mengambil 1 unit kipas meja untuk kegunaan sendiri.

Berapakah nilai inventori pada 31 Januari 2020 untuk Perniagaan Elektrik KK?

- A** RM1 910
B RM1 930
C RM2 710
D RM2 730

PULAU PINANG 2020

5. Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Riang Gembira:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2020 (petikan)		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	7 760	
Akaun Belum Bayar		30 000
X		5 000

Apakah butiran X?

- A Ambilan
- B Pulangan Masuk
- C Sewa belum terperoleh
- D Faedah atas simpanan belum terima

TERENGGANU 2020

6. Antara berikut, manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga?

	Debit (RM)	Kredit (RM)
I Alatan pejabat	5 000	
II Angkutan keluar		50
III Pulangan belian	110	
IV Diskaun diberi	120	

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

TERENGGANU 2020

7. Kedai Runcit Mesra mengamalkan sistem inventori berkala. Pilih ciri-ciri sistem inventori yang diamalkannya

- I Inventori barang niaga ditentukan melalui pengiraan fizikal
- II Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz besar
- III Inventori barang niaga ditentukan melalui rekod yang terperinci
- IV Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz kecil dan sederhana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

8. Catatan Imbangan Duga yang manakah benar?

Debit	Kredit
A Perabot	Promosi
B Belian	Insurans
C Jualan	Inventori
D Pulangan Jualan	Komisen Diterima

JOHOR 2020

9. Genie Café telah menggunakan nilai inventori akhir yang lebih tinggi dalam penyediaan Penyata Kewangan.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap kos jualan dan untung kasar?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Lebih Rendah	Lebih Tinggi
B	Lebih Tinggi	Lebih Rendah
C	Lebih Rendah	Lebih Rendah
D	Lebih Tinggi	Lebih Tinggi

KULAI 2020

10. Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Alat tulis Putera.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Diskaun	2 520	1 960
Pulangan	1 050	2 940

Berapakah amaun diskaun diberi?

- A RM560
- B RM1 960
- C RM2 520
- D RM4 480

JOHOR 2020

11. Petikan Imbangan Duga yang berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Perniagaan Sivam Pasu.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Premis	90 700	
Belian	43 250	
Duti Import	1 200	
X	600	
Y		450
Modal		45 000

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Belum Bayar	Ambilan
B	Akaun Belian	Inventori akhir
C	Jualan	Diskaun diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan Belian

KULAI 2020

MODUL 7 – PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN

1. Item-item manakah yang digunakan untuk mengira kos jualan?

I Jualan, diskaun diterima, inventori
 II Belian, inventori awal, insurans kedai
 III Belian, inventori awal, insurans atas belian
 IV Inventori akhir, angkutan masuk

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

BATU PAHAT 2020

2. Catatan penutupan Akaun Belian manakah yang betul?

A

Akaun Belian			
Inventori awal	4 000	Ambilan	3 000
Akaun Belum Bayar	12 000	Baki h/b	13 000
	16 000		16 000
Baki b/b	13 000		

B

Akaun Belian			
Bank	4 000	Ambilan	3 000
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Untung Rugi	13 000
	16 000		16 000

C

Akaun Belian			
Bank	4 000	Ambilan	3 000
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Perdagangan	13 000
	16 000		16 000

D

Akaun Belian			
Inventori awal	4 000	Ambilan	3 000
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Penamat	13 000
	16 000		16 000

UBAHSUAI BATU PAHAT 2020

3. Antara butir berikut yang manakah akan mengurangkan nilai kos jualan?

- A Diskaun Diterima
 B Pulangan Jualan
 C Pulangan Belian
 D Diskaun diberi

PULAU PINANG 2020

4. Antara berikut yang manakah item yang diambil kira semasa mengira modal kerja?

- A Perabot
 B Gadai janji
 C Overdraf bank
 D Inventori awal

PULAU PINANG 2020